




LI JIAN PENG



S.M OHIDUL ALAM



NUR AMALINA ROSLAN

Keunikan Sarawak jadi tarikan pelajar antarabangsa ke Unimas



FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN, Sabtu — Keunikan Sarawak secara keseluruhannya merupakan tarikan pelajar antarabangsa dan Semenanjung memilih Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sebagai tempat untuk menimba ilmu.

Pelajar yang berasal dari negara China, Li Jian Peng, 19, berkata, Sarawak merupakan sebuah negeri yang unik terletak di kepulauan Borneo.

"Saya mengetahui Unimas melalui rakan-rakan dan saya tertarik dengan pengalaman mereka ketika melawat Sarawak," katanya yang mengambil Ijazah Sarjana Muda bidang kewangan.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis Ikrar Pelajar Ambilan Februari 2012/2013 di universiti itu di sini, hari ini.

Keluarga Li juga menyokong hasratnya untuk melanjutkan pengajian di Sarawak walaupun keadaan geografi yang jauh.

"Harapan saya ialah belajar sebaik mungkin dan pada masa sama mem-

punyai ramai kawan di sini," jelas Li yang akan belajar di Unimas selama tiga tahun.

Seorang lagi pelajar antarabangsa berasal dari Bangladesh, S.M Ohidul Alam, 20, juga berkata, beliau ingin melanjutkan pengajian ke negara lain dan impian itu terlaksana apabila menjadi salah se-orang pelajar Unimas.


"Saya membuat penyelidikan terlebih dahulu mengenai Unimas melalui laman web. Saya berharap dapat menamatkan pengajian dalam masa empat tahun dan berkhidmat kepada negara saya," katanya yang mengambil jurusan Kejuruteraan Perisian.

Pelajar Sains Kognitif, Nur Amalina Roslan dari Johor memilih Unimas kerana mahu berdikari di tempat orang.

"Perasaan saya bercampur-aduk ketika menerima tawaran untuk belajar di Unimas dan akhirnya mengambil keputusan belajar di sini. Memang selama ini, saya tidak pernah berjauhan dengan keluarga dan ini merupakan pengalaman yang pertama," tambahnya.

Kata Amalina lagi, Sarawak merupakan sebuah negara yang unik berikutan mempunyai pelbagai kaum dan budaya.

Pelajar berasal dari Sabah, Mohd Shaifuddin Safiee memilih Unimas



MOHD SHAIFUDDIN SAFIEE

kerana universiti itu berada di kedudukan kelapan terunggul di Malaysia.

"Azam saya belajar di Unimas adalah untuk memperoleh keputusan cemerlang dalam tempoh tiga tahun dan menjadi contoh kepada adik-beradik saya. Dari segi budaya, Sarawak tidak jauh bezanya dari Sabah kerana kedudukan negeri berada di kepulauan Borneo dan mempunyai pelbagai kaum," ujarnya yang mengambil jurusan teknologi sumber.